

**ANP**

ISSN: 2773-482X eISSN: 2785-8863

DOI: <https://doi.org/10.53797/anpjssh.v1i1.7.2020>

# Perspektif Majikan Terhadap Keupayaan Pelajar Dalam Menunjukkan Kemahiran Praktikal Secara Berkesan Dalam Persekitaran Kerja Global

Suzan, Impak<sup>1\*</sup> & Hazriesyam Amir, Mustapha<sup>2</sup>

Politeknik Kota Kinabalu, No 4, KKIP, 86400 Kota Kinabalu, Malaysia

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, 25350 Kuantan Pahang, Malaysia

\*Corresponding email: [suzanhub@gmail.com](mailto:suzanhub@gmail.com)

Diterima 10 Disember 2020; Diluluskan 18 Disember 2020; Tersedia dalam talian 31 Disember 2020

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan persepsi majikan terhadap keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran praktikal secara berkesan dalam persekitaran kerja global. Antara aspek yang menjadi fokus di dalam kajian ini ialah keupayaan pelajar untuk melakukan prosedur kerja makmal yang betul, keupayaan pelajar menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan dan kebolehan pelajar dalam mengendalikan peralatan kerja. Responden kajian terdiri dari pelajar semester 5 yang sedang menjalani latihan industri. Dapatan kajian mendapati nilai skor markah bagi keupayaan pelajar untuk melakukan prosedur kerja makmal yang betul adalah 3.62 iaitu tinggi. Sementara itu, bagi aspek mengenalpasti keupayaan pelajar menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan, nilai skor markah ialah 3.94 yang juga membawa maksud tinggi dan dari aspek kebolehan pelajar dalam mengendalikan peralatan kerja juga menunjukkan nilai skor markah yang tinggi iaitu 3.86. Purata skor markah adalah 3.81. Berdasarkan nilai skor yang tinggi ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa majoriti majikan berpuas hati dengan prestasi pelajar yang menjalani latihan industri di firma mereka. Ini bermakna, pelajar berkeupayaan untuk melakukan prosedur kerja makmal yang betul, berkeupayaan menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan dan berkebolehan dalam mengendalikan peralatan kerja. Pengkaji mengharapkan agar dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan seperti Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) Politeknik Kota Kinabalu, pensyarah dan pelajar khususnya.

**Kata Kunci:** Keupayaan Pelajar, Kemahiran Praktikal, Persekitaran Kerja Global

## 1. Pengenalan

Di Malaysia, dalam melahirkan modal insan yang berkecakupan dan berkemahiran, aspek latihan amatlah penting sebagai usaha untuk memantapkan hasrat ini, kerajaan mewajibkan program latihan industri dilaksanakan di Institut pengajian tinggi awam (Dzia-Uddin, 2020). Langkah ini dilihat sebagai pendekatan terbaik dalam menyediakan pelajar kepada dunia pekerjaan sebenar. Pendekatan ini selaras dengan Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia - PPPM (PT) 2015-2025 dalam menghasilkan graduan berkualiti (Ismail, 2012). Penerapan program latihan industri di institusi telah lama diakui sebagai satu kaedah yang dapat menyediakan pelajar menghadapi kerjaya sebenar di alam pekerjaan mengikut profesion masing-masing (Seigler, Gentry & Edwards, 1979; Weinberg & Mazey, 1988).

Di Politeknik khususnya, latihan praktikal adalah wajib dan ditawarkan kepada pelajar semester 6. Penawaran program latihan industri pada semester 6 ini dibuat dengan anggapan pelajar sudah cukup bersedia untuk memasuki alam pekerjaan sebenar berbekalkan ilmu yang telah mereka pelajari dari semester 1 sehingga semester 5. Program ini amatlah penting bagi mereka untuk menggunakan pengetahuan teori yang sebelum ini diperolehi di dalam bilik darjah atau kuliah (Memon et al., 2014; Idrus et al., 2010).

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam melahirkan graduan yang berkualiti, program latihan industri dilihat dapat membantu meningkatkan kredibiliti pelajar untuk menjadi pekerja profesional dan separa profesional dalam pelbagai bidang (Yusof & Mohiddin, 2018). Tempoh latihan selama satu semester iaitu empat bulan diharapkan dapat memberi pendedahan kepada pelajar seterusnya menggilap kemahiran diri mereka (Ngadiman & Jamaludin, 2018). Justeru, dalam konteks kajian ini,

pengkaji ingin mendapatkan perspektif majikan terhadap keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran praktikal secara berkesan semasa menjalani latihan industri.

## 1.2 Objektif

Berdasarkan tujuan kajian, objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengenalpasti keupayaan pelajar untuk melakukan prosedur kerja makmal yang betul.
- Mengenalpasti keupayaan pelajar menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan.
- Mengenalpasti kebolehan pelajar dalam mengendalikan peralatan kerja.

## 1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan kajian ini adalah untuk mengetahui:

- Adakah pelajar berupaya untuk melakukan prosedur kerja makmal yang betul?
- Adakah pelajar berupaya menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan?
- Adakah pelajar berkebolehan dalam mengendalikan peralatan kerja?

## 1.4 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri di firma yang telah dipilih. Tempoh Latihan industri adalah selama satu semester iaitu empat bulan sahaja. Oleh itu, penilaian ini adalah berdasarkan perspektif majikan sepanjang tempoh pelajar menjalani latihan industri di firma mereka. Terdapat banyak faktor yang boleh dilihat namun, kajian ini hanya fokus kepada tiga faktor sahaja iaitu mengenalpasti keupayaan pelajar untuk melakukan prosedur kerja makmal yang betul, mengenalpasti keupayaan pelajar menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan dan mengenalpasti kebolehan pelajar dalam mengendalikan peralatan kerja.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini boleh memberikan maklumat yang berguna kepada UPLI Politeknik Kota Kinabalu. Melalui hasil dapatan kajian, pihak UPLI dapat memperolehi gambaran tentang keupayaan pelajar Politeknik Kota Kinabalu di lapangan menurut perspektif majikan. Selain itu, hubungan baik dengan firma dapat diteruskan untuk tujuan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini turut disokong oleh Gardner (1999); Beck & Kosnick (2002) yang menyatakan penggunaan kaedah ini dapat memberi maklum balas yang berguna kepada institusi untuk tujuan penambahbaikan terhadap kurikulum dan kaedah pengajaran. Ferguson (1991) turut menyokong dengan menyatakan bahawa program praktikum dapat memantapkan kurikulum pengajaran dan aktiviti-aktiviti antara universiti dan industri. Selain itu, hubungan baik ini diharapkan dapat menjadi laluan mudah kepada pelajar dan politeknik untuk menempatkan pelajar bekerja selepas tamat latihan kelak (Ahmad & Majid, 2018).

Dapatan kajian dapat memberi maklumbalas tentang kemahiran pelajar yang perlu ditingkatkan. Aspek yang lemah ini akan diambil berat untuk ditingkatkan agar kemahiran ini tidak lagi menjadi kelemahan untuk pelajar yang menjalani latihan industri pada masa akan datang. Maklumbalas ini juga boleh digunakan sebagai garis panduan oleh pensyarah untuk merancang aktiviti pengajaran yang bersesuaian untuk meningkatkan kemahiran pelajar.

Maklumbalas yang diperolehi dari kajian ini dapat memberi panduan kepada para pelajar mengenai aspek yang perlu diperbaiki dan ditingkatkan. Maklumbalas ini juga penting sebagai persediaan untuk menyiapkan diri apabila berada di alam pekerjaan sebenar.

## 2. Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi diambil dalam kalangan pelajar program DKA di firma tempat pelajar menjalani latihan industri. Firma yang dipilih ialah firma di mana pelajar jabatan kejuruteraan awam menjalani latihan industri. Pelajar yang terlibat adalah dari program Diploma Kejuruteraan Awam iaitu seramai 139 orang pelajar yang melibatkan sebanyak 79 buah firma. Pelajar-pelajar tersebut adalah merupakan pelajarambilan Jun 2016. Pengkaji mengandaikan, sekiranya terdapat lebih dari seorang pelajar yang menjalani latihan industri di tempat yang sama, pelajar-pelajar ini akan dikelompokkan menjadi satu firma latihan sahaja.

Soalan yang diusulkan di dalam borang soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A adalah mengenai demografi firma dan bahagian B adalah mengenai tahap keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran praktikal secara berkesan dalam persekitaran kerja global. Bagi soalan di dalam bahagian B, soalan adalah difokuskan kepada tiga perkara sahaja iaitu keupayaan pelajar untuk melakukan prosedur kerja makmal yang betul, keupayaan pelajar menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan dan kebolehan pelajar dalam mengendalikan peralatan kerja.

Teknik persampelan yang digunakan adalah secara sistematik. Dalam kajian ini penyelidik menghubungi kesemua firma yang berdaftar untuk latihan industri pelajar dan mengedarkan borang soal selidik menggunakan *google form*.

Borang ini diisi oleh majikan atau penyelia yang menyelia pelajar praktikal. Dari 79 buah firma yang dihubungi, hanya 40 buah firma sahaja yang memberi maklum balas. Hanya seorang responden bagi setiap firma iaitu penyelia yang bertanggungjawab menyelia pelajar praktikal sahaja yang menjawab soalan yang dikemukakan. Oleh itu dapatan kajian ini hanya berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima dari 40 buah firma itu sahaja bersamaan dengan 40 orang responden.

### 3. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan dapatan yang diperolehi. Bagi aspek mengenalpasti keupayaan pelajar melakukan prosedur kerja makmal yang betul, dapatan kajian mendapati nilai skor min markah adalah 3.62 iaitu tinggi. Manakala bagi aspek mengenalpasti keupayaan pelajar menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan pula mencatatkan nilai skor min markah 3.94 yang juga membawa maksud tinggi. Seterusnya bagi aspek mengenalpasti kebolehan pelajar dalam mengendalikan peralatan kerja menunjukkan nilai skor min markah 3.86 yang juga membawa maksud tinggi.

**Jadual 1:** Keupayaan Pelajar Dalam Menunjukkan Kemahiran Komunikasi Secara Berkesan Dalam Persekitaran Kerja Global

Item	Sub Item	Penerangan	Nilai Skor Min	Tafsiran Skor	Purata
Kemahiran Praktikal	2.1	Keupayaan pelajar melakukan prosedur kerja makmal yang betul	3.62	Tinggi	3.81
	2.2	Keupayaan pelajar menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan	3.94	Tinggi	
	2.3	Kebolehan pelajar dalam mengendalikan peralatan kerja	3.86	Tinggi	

**Petunjuk Skor Min:**

1.00-1.80 = Sangat Rendah

1.81-2.60 = Rendah

2.61-3.40 = Sederhana

3.41-4.20 = Tinggi

4.21-5.00 = Sangat Tinggi

Sub konstruk kemahiran praktikal diukur menggunakan tiga item bagi mengenalpasti kemahiran-kemahiran praktikal pelajar adalah berkesan. Hasil analisis menunjukkan item 1 “Keupayaan pelajar melakukan prosedur kerja makmal yang betul” menunjukkan nilai skor min yang tinggi. Ini bermakna, pelajar politeknik yang menjalani latihan praktikal berupaya melakukan prosedur kerja makmal di firma dengan betul. Dapatan ini selaras dengan keupayaan yang seharusnya ditonjolkan oleh pelajar. Ini adalah kerana pelajar telah dilatih untuk melakukan kerja-kerja amali sewaktu mereka belajar. Seharusnya pelajar trampil dalam melakukan kerja-kerja amali di tempat kerja kerana ini bukanlah kali pertama mereka melakukan kerja-kerja amali. Turut menyokong isu yang sama, Sayuti (2000) menyatakan, pelajaran yang berkaitan dengan pengalaman akan lebih berguna kepada pelajar untuk menguasai sesuatu tugas. Hal ini memberi kelebihan kepada pelajar itu sendiri untuk mengasah kemahiran praktikal mereka. Lindberk (1986) turut yang mengatakan pelajar perlu diberikan latihan dan tunjuk ajar yang cukup sebelum mengendalikan peralatan semasa berada di bengkel atau makmal. Pengalaman yang mereka perolehi semasa melakukan kerja-kerja di bengkel atau makmal akan menjadi asas kepada kemahiran mereka apabila bekerja di alam pekerjaan sebenar.

Sementara itu, sub konstruk kemahiran praktikal kedua iaitu ‘Keupayaan pelajar menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan’ menunjukkan nilai skor min tertinggi. Ini bermakna, pelajar politeknik mampu menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan. Dapatan ini selaras dengan inspirasi Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk melatih para pelajar dari aspek teori dan praktikal dalam usaha mengembangkan pengetahuan dan kemahiran yang khusus agar kapasiti individu dapat dipertingkatkan bagi melakukan pekerjaan secara produktif dan berkesan (Kiong et al., 2017).

Di politeknik khususnya, pelajar didedahkan dengan aspek kemahiran sewaktu mereka melakukan kerja-kerja amali di bengkel atau makmal (Othman, 2017). Pengalaman semasa mengendalikan kerja-kerja bengkel dan makmal adalah merupakan pengetahuan yang diperolehi pelajar yang diaplikasikan melalui aktiviti-aktiviti *hands-on* dan seterusnya mencetuskan pemikiran secara *minds-on* (Ibrahim, Surif & Mustapa 2006). Menurut Armstrong (2003), latihan amali adalah sebagai pengubahsuaian yang formal dan sistematik terhadap tingkah laku melalui pembelajaran, yang berlaku disebabkan oleh pendidikan, arahan, pembangunan dan pengalaman terancang (Abdullah & Abd Azis, 2009). Dalam konteks kajian ini, amali merujuk kepada kemahiran teknikal pelajar dalam kursus kejuruteraan awam berdasarkan teori yang telah dipelajari, dan diaplikasikan dalam kerja lapangan semasa menjalankan latihan industri. Oleh itu, adalah wajar menyatakan bahawa nilai skor yang tinggi ini menunjukkan para pelajar telah menggunakan sepenuhnya pengalaman aktiviti *hands on* mereka sewaktu belajar dan mengaplikasikannya dalam kerja-kerja

pembinaan di lapangan sewaktu menjalani latihan industri. Nilai skor min yang tinggi ini juga menggambarkan pihak industri amat berpuas hati dengan keupayaan pelajar dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan.

Seterusnya, bagi sub konstruk yang ketiga iaitu 'Kebolehan pelajar dalam mengendalikan peralatan kerja memberikan nilai skor min kedua tinggi. Ini memberi maksud, pihak industri amat berpuas hati dengan kebolehan pelajar politeknik dalam mengendalikan peralatan kerja. Mengendalikan peralatan kerja dengan baik termasuk dalam satu amalan yang harus dipraktikkan di tempat kerja. Menurut Buhari (2008), sikap pelajar yang tidak mengambil berat tentang amalan keselamatan dan sikap acuh tak acuh terhadap tugas atau kerja boleh mendatangkan bahaya kepada diri dan juga rakan sekerja. Di Politeknik, para pelajar sentiasa diingatkan dari semasa ke semasa berkenaan aspek keselamatan terutama sekali semasa menggunakan peralatan dan mesin. Aspek keselamatan ini biasanya berkait rapat dengan pengendalian peralatan. Menurut Azad (2003), kemahiran bermaksud kebolehan mental, sosial atau fizikal yang diperolehi daripada hasil amalan dan latihan yang berulang dan berterusan. Kemahiran yang dimaksudkan ialah kebolehan pelajar untuk melakukan gerak kerja tertentu yang dipraktikkan oleh pelajar di dalam bengkel semasa amali. Dalam konteks kajian ini, amalan pelajar yang mengutamakan keselamatan semasa mengendalikan peralatan secara tidak langsung melatih mereka untuk menggunakan peralatan mengikut prosedur pemakaian yang betul. Amalan ini seterusnya akan menjadi budaya kepada pelajar semasa mereka mengendalikan peralatan di tempat kerja.

#### 4. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang memberikan nilai skor yang tinggi maka dapatlah disimpulkan bahawa majoriti majikan berpuas hati dengan prestasi pelajar yang menjalani latihan industri di firma mereka. Nilai skor yang tinggi bagi ketiga-tiga item ini menunjukkan pelajar berkeupayaan untuk melakukan prosedur kerja makmal yang betul, berkeupayaan menjalankan kerja-kerja pembinaan di lapangan dan berkebolehan dalam mengendalikan peralatan kerja.

#### 5. Cadangan

Bagi memantapkan lagi dapatan untuk mengukur tahap keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran praktikal secara berkesan dalam persekitaran kerja global, dicadangkan untuk menambah item-item lain yang boleh mengukur kemahiran praktikal pelajar.

#### Rujukan

- Abdullah, A. G., & Abd Azis, A. R. (2009). *Mengurus Tingkah Laku Pelajar*. Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Ahmad, N. L., & Majid, N. A. (2018). Program Praktikum Sebagai Medium Pengukuhan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih (Practical Programme as a Medium to Strengthen Soft-Skills Among Trainee Teachers). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 43(02), 17-27.
- Armstrong, M. (2003) *A handbook of human resource management practice*. Kogan Press, London.
- Azad, A. (2003). Pengendalian Makmal Dan Bengkel: <http://www.unimap.edu.my>
- Beck, C., & Kosnik, C. (2002). Components of a good practicum placement: Student teacher perceptions. *Teacher Education Quarterly*, 29(2), 81-97.
- Buhari, N. (2008). Tahap Kesiediaan Pelajar-Pelajar Kursus Binaan Bangunan Terhadap Keselamatan Di Dalam Bengkel. [http://eprints.utm.my/10905/1/Tahap\\_Kesiediaan\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/10905/1/Tahap_Kesiediaan_Pelajar.pdf)
- Dzia-Uddin, D. N. (2020). Keberkesanan Latihan Industri Graduan Diploma Pengurusan Perhotelan, Kuim (Kohort 35 & 36): Tinjauan Dari Perspektif Majikan. *Journal of Hospitality and Networks*, 1(1), 45-52.
- Ferguson, R. F. (1991). Paying for public education: New evidence on how and why money matters. *Harv. J. on Legis.*, 28, 465.
- Gardner, H. (1999). *The discipline mind: What all students should understand*. New York: Simon & Schuster.
- Ibrahim, N. H., Surif, J., & Mustapa, M. S. (2006) Kefahaman dan tahap amalan pembelajaran secara kontekstual di kalangan guru Sains luar bandar. [Cited 5 April 2014]. Available from: [http://eprints.utm.my/2230/1/4\\_5.pdf](http://eprints.utm.my/2230/1/4_5.pdf).

- Idrus, H., Noor, A. M., Salleh, R., & Hashim, H. M. (2010, December). An exploratory study on interns' communicative abilities: The industrial internship experience. In 2010 2nd International Congress on Engineering Education (pp. 1-6). IEEE.
- Ismail, M. H. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII. Ipoh, Perak: Universiti Kebangsaan Malaysia. ms*, 906-913.
- Kiong, T. T., Florentius, A. W., Abu, M., Rubi, D. M., Mohamed, S., Heong, Y. M., & Mohamad, M. M. (2017). Tahap penguasaan teori dan amali dalam kalangan pelajar ekonomi rumah tangga: Kajian persepsi di universiti awam Malaysia (Theoretical and practical command of Malaysia's home economics students: A perception study from a public university). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3).
- Lindberk, J. R. (1986). *The Good Mentor Grade Initial Teacher Education in Secondary Schools*. Buckingham Open University Press
- Memon, M. A., Salleh, R., Harun, H., Rashid, R. A., & Bakar, Z. A. (2014). Training, engagement, social exchange ideology and employee turnover: A proposed moderated mediation conceptual framework. *Australian Journal of Basic & Applied Sciences*, 8(5), 151-156.
- Ngadiman, S. H., & Jamaludin, M. F. (2018). Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Semesta Akhir Politeknik (The Relationship Between Teamwork Skills and Communication Skills Among Polytechnic's Final Semester Students). *Ngadiman, SH & Jamaludin, MF (2018). Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik. International Journal of Education, Psychology and Counseling, (3) (19), 01-18.*
- Othman, N. (2017). Daya Tahan Pelajar Universiti Awam dan Universiti Swasta (Student Resilience of Public and Private University Students). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 42(1), 69-78.
- Seigler, I. C., Gentry, W. D., & Edwards, C. D. (1979). Training in geropsychology: A survey of graduate and internship training programs. *Professional Psychology*, 10(3), 390.
- Sayuti, S. (2000). "Psikologi Pendidikan" cetakan pertama Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Weinberg, M. L., & Mazey, M. E. (1988). Government-university-industry partnerships in technology development: a case study. *Technovation*, 7(2), 131-142.
- Yusof, M. M., & Mohiddin, N. H. (2018). Refleksi Pelajar Terhadap Keberkesanan Kursusu Latihan Industri: Kajian Kes Pelajar Politeknik Muadzam Shah. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education Vol. 2, No. 2 (2018), 46-54.*